



## 8H 6M BEIJING HOHHOT (INNER MONGOLIA)

18 Ogos 2018

HARI RAYA QURBAN DI BEIJING HOHHOT (INNER MONGOLIA) 7 HARI 6  
MALAM (ALL IN FULLBOARD)

Day	Type	Flight Code	Time	From	To	Fleet	Seat Setting
1	Pergi	KA 732	1330-1730	Kuala Lumpur	Hong Kong	Airbus A330-300	2-4-2
1	Pergi	KA 906	1900-2210	Hong Kong	Beijing	Airbus A330-300	2-4-2
7	Balik	CX 347	1000-1355	Beijing	Hong Kong	Airbus A330-300	2-4-2
7	Balik	KA 729	1600-2000	Hong Kong	Beijing	Boeing A330-300	2-4-2

### Aturcara Perjalanan

#### Day 1 : Kuala Lumpur - Hong Kong - Beijing

- Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Beijing
- Transit di Hong Kong dan meneruskan penerbangan ke Beijing
- Selamat tiba di Beijing
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Beijing

#### Day 2 : Beijing (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi
- Melawat **Tiananmen Square** : dataran terbesar di dunia dan juga merupakan sempadan Great Hall of the People
- Berkunjung ke **Forbidden City**: merupakan istana diraja semasa dinasti Ming sehingga berakhirnya dinasti Qing
- Makan tengahari sebelum berhenti solat di **Niujiu Mosque**
- Membeli-belah di **Muslim Super Market**: terdapat pelbagai barangan makanan halal dijual
- Makan malam
- Bermalam di Beijing

#### Day 3 : Beijing - Hohhot (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel
- Melawat **Great Wall of China** : kubu pertahanan pertama yang dibina oleh banduan dan kerahan tenaga semasa pemerintahan Dinasti Ming
- Makan tengahari
- Dibawa ke **Tea House**: dapat merasai pelbagai jenis teh tradisional
- Melawat **Chinese Medicine Centre**: merasai urutan kaki tradisional china
- Membeli-belah di **Wanfujing Street**
- Makan malam
- Menaiki kereta api bermalam ke **Hohhot** iaitu sebuah kawasan pendalaman Mongolia  
*Kabin adalah berdasarkan bilik berdua walaubagaimanapun, ianya bergantung kepada kekosongan. Sekiranya tiada kekosongan, kabin adalah berdasarkan bilik berempat*

#### Day 4 : Hohhot - Xilamuren Grassland (SP/MT/MM)

- Tiba di Hohhot
- Sarapan pagi dan daftar masuk hotel
  - *Daftar masuk awal di hotel adalah tertakluk kepada kekosongan bilik hotel. Waktu daftar masuk normal ialah pada jam 1400pm.*
- Menziarahi Great Mosque atau dikenali sebagai **Hohhot Mosque** yang merupakan masjid terbesar dan tertua antara 8 buah masjid di Hohhot.
- Makan tengahari
- Melawat **Xilamuren Grassland** yang merupakan salah satu tempat wajib dilawati di pendalaman Mongolia dan merasai pengalaman kehidupan masyarakat tempatan di Grassland
- Makan malam
- Kembali ke hotel dan bermalam di Hohhot

### Day 5 : Hohhot (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi
- Menunaikan solat Aidil Adha di masjid tempatan di Hohhot dan berpeluang menunaikan ibadah qurban bersama masyarakat tempatan.
  - *Peserta berpeluang menunaikan ibadah qurban di Hohhot dengan kos tambahan seekor kambing biri-biri sebanyak RMB 2150 tertakluk kepada harga pasaran semasa.*
- Menziarahi perkampungan masyarakat muslim di Hohhot.
- Makan tengahari
- Berpeluang membeli belah di **Muslim Street**.
- Makan malam
- Kembali ke hotel dan bermalam di Hohhot

### Day 6 : Hohhot - Beijing (SP/MT/MM)

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel
- Menaiki kereta api laju menuju ke Beijing
- Tiba di Beijing dan makan tengahari
- Berkunjung ke **Summer Palace** yang merupakan sebuah istana yang terletak di atas Longevity Hill dan dikelilingi Tasik Kunming
- Membeli belah di **Bamboo Charcoal Shop**: pelbagai produk buatan buluh dijual
- Membeli-belah di Jewellery Shop
- Berhenti bergambar di **Olympic Village** dan **Bird's Nest Stadium dan Water Cube** : pernah menjadi tuan rumah Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik bagi tahun 2008
- Makan malam
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Beijing

### Day 7 : Beijing - Hong Kong - Kuala Lumpur (SP)

- Sarapan pagi, daftar keluar hotel
- Peserta dihantar ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur
- Menaiki penerbangan ke Kuala Lumpur
- Transit di Hong Kong
- Meneruskan penerbangan ke Kuala Lumpur
- Selamat tiba di Kuala Lumpur

#### Harga Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi Kuala Lumpur - Hong Kong - Beijing - Hong Kong - Kuala Lumpur.
- Cukai lapangan terbang.
- Tiket keretapi (*sleeping train*) dari Beijing ke Hohhot
- Tiket Keretapi laju (*high speed train*) dari Hohhot ke Beijing
- Penginapan di hotel bertaraf 4 bintang tempatan beserta sarapan.
- Lawatan dan makan seperti dalam aturcara.
- Pengangkutan dan juga khidmat pemandu pelancong

#### Harga Tidak Termasuk

- Makan selain dalam aturcara.
- Bayaran bagasi lebih had.
- Caj peribadi di hotel : panggilan telefon, mini bar dll.
- Insurans perjalanan peribadi - Peserta amat digalakkan untuk mengambil insurans perjalanan peribadi. Sila hubungi `Customer Service` untuk maklumat lanjut.

#### Nota Penting

- **Aturcara lawatan, harga & jadual penerbangan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dan keadaan semasa**
- Pakej ini termasuk 4 `Government shop` yang wajib dikunjungi iaitu: Chinese Medicine Centre, Tea house, Jewelry Shop (Pearl) dan Bamboo Charcoal Shop
- Peserta perlu meluangkan masa minima 50 minit di setiap `government shop`.
- Kemudahan cerek elektrik disediakan di hotel. Manakala seterika disediakan atas permintaan..
- Passport antarabangsa perlu sah sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh sampai ke Malaysia.
- Peserta hendaklah fax / emel / pos salinan passport 45 hari sebelum tarikh berlepas.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik (triple room). Oleh itu, penempahan 3 orang sebilik hanya menyediakan katil tambahan dan berdasarkan harga bilik berdua.
- Disarankan membawa kasut & pakaian yang sesuai kerana lawatan ini banyak melibatkan aktiviti berjalan kaki.
- Peserta perlu membaca TERMA & SYARAT terlebih dahulu sebelum bersetuju mengikuti pakej lawatan ini.
- Peserta dinasihatkan untuk menyemak sendiri senarai nama mereka yang disekat untuk keluar negara (`Blacklist` : hutang bank, PTPTN dan lain-lain).